

Panduan RPH untuk Guru:

BBM	Buku teks, foto gempa bumi, gunung berapi, rajah hanyutan benua, gunung lipat, tayangan video
PAK 21	Roam the Room
Nilai Murni	Bertanggungjawab
KBAT	Menganalisis
EMK	TMK, kelestarian alam sekitar
i-THINK	Peta buih
Penilaian	Soal jawab, lembaran kerja dan hasil kerja

Cadangan Aktiviti PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang kesan pergerakan kerak bumi berdasarkan rajah di dalam buku teks.
2. Guru menunjukkan foto-foto kesan pergerakan kerak bumi.
3. Murid menjawab soalan-soalan dalam buku Mastery PLUS Geografi halaman 44 dan 45.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap kumpulan membincangkan satu kesan pergerakan bumi sama ada di benua atau lautan.
6. Kemudian, setiap kumpulan menyediakan satu poster tentang kesan pergerakan kerak bumi tersebut.
7. Dengan isyarat guru, murid secara individu bergerak melihat hasil kerja kumpulan lain.
8. Guru memberikan isyarat kedua. Semua murid akan balik ke tempat asal.
9. Murid membuat perkongsian dalam kumpulan berkaitan apa yang telah dipelajarinya daripada kumpulan lain.
10. Murid menonton tayangan video tentang kejadian tsunami.
11. Murid menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan tayangan video tersebut.
12. Murid menjalankan aktiviti dalam buku Mastery PLUS Geografi halaman 46.

Kriteria Kejayaan

Saya berjaya

- menyatakan empat kesan pergerakan kerak bumi

☐

PBD 5.4 Kesan Pergerakan Kerak Bumi

1. Nyatakan **empat** kesan pergerakan kerak bumi di benua dan lautan. (TP4)

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____

2. Padankan penerangan dengan kesan pergerakan bumi yang betul. (TP4)

Penerangan	Kesan pergerakan bumi
(a) Proses pencapahan dan pertembungan plat menyebabkan perubahan kedudukan benua	Gunung lipat
(b) Daya mampatan pada kerak bumi (tolakan atau himpitan) menyebabkan kerak bumi termampat	Hanyutan benua
(c) Pergerakan bumi (gelinciran) di sempadan plat bumi di daratan dan di lautan akibat daya mampatan atau tegangan	Gunung berapi
(d) Daya tekanan akibat pertembungan dan himpitan antara plat menghasilkan gegaran di kawasan sempadan	Gunung bongkah
(e) Bahan cecair dari lapisan mantel bumi ditekan keluar melalui rekahan plat bumi ke permukaan bumi	Gempa bumi